

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]

TARIKH : 8 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Kerajaan mempunyai rancangan untuk memisahkan kedua jawatan ini iaitu Ketua Pengarah JKSM menumpukan hal pentadbiran Mahkamah (seperti Ketua Pendaftar Mahkamah Sivill) dan Ketua Hakim JKSM menumpukan aspek kehakiman syarie (seperti Ketua Hakim Negara).

JAWAPAN

**(YB SENATOR DATUK DR. ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Yang di-Pertua,

1. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah ditubuhkan pada tahun 1998 sebagai agensi pusat yang bertanggungjawab dalam penyelarasan pengurusan dan pentadbiran kehakiman dan perundangan Syariah di Malaysia. Sebagaimana yang kita semua sedia maklum, pentadbiran kehakiman Syariah/Mahkamah Syariah adalah terletak di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri sebagaimana yang diperuntukkan oleh Jadual Kesembilan, Senarai II - Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan.

2. Selain berfungsi sebagai agensi penyelarasan berkaitan dasar kehakiman Syariah, JKSM juga berperanan untuk mendengar kes-kes

rayuan di Mahkamah Syariah Negeri-Negeri yang telah melantik Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie dan Hakim-Hakim Rayuan JKSM sebagai ahli panel hakim Mahkamah Rayuan Syariah setelah berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri dan setelah mendapat perkenan dari DYMM Sultan/Raja di Negeri-negeri berkenaan termasuk di Wilayah-Wilayah Persekutuan. Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM pada lazimnya semasa bersidang bersama Panel Hakim Rayuan yang lain akan dilantik sebagai Pengerusi Sidang Rayuan di Mahkamah Syariah Negeri-negeri tersebut.

3. Dengan demikian, pendengaran kes-kes rayuan di Mahkamah Rayuan Syariah Negeri-Negeri oleh panel Hakim-Hakim Rayuan dari JKSM dapat membantu ke arah keseragaman dari segi keputusan, pemakaian undang-undang substantif dan prosedural yang betul dan tepat serta menjadi panduan kepada Mahkamah-mahkamah bawahan. Ini disebabkan Mahkamah Rayuan Syariah merupakan hierarki mahkamah Syariah yang tertinggi dalam sistem kehakiman Syariah di Negeri-negeri/Wilayah-Wilayah Persekutuan.

4. Peranan Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM sebagai Ketua Perkhidmatan Skim Pegawai Syariah dan Ketua Jabatan ini serta bertindak sebagai Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri-Negeri yang melantik dan diberi tauliah oleh DYMM Sultan/Raja di Negeri-negeri tersebut termasuk di Wilayah-Wilayah Persekutuan adalah masih lagi relevan dan sesuai dimana dwi fungsi dan peranan ini telah dapat dilaksanakan secara sistematik, teratur dan efisien. Justeru itu, Kerajaan buat masa ini akan meneruskan mekanisme yang sedia ada.

5. Kerajaan juga mempunyai perancangan untuk memperkasakan Sistem Kehakiman Syariah melalui pertambahan hierarki Mahkamah Syariah daripada 3 peringkat sedia ada. Usaha ini akan meletakkan Mahkamah Syariah seperti juga Mahkamah Sivil di mana urusan kehakiman diketuai oleh Ketua Hakim Negara manakala urusan pentadbiran mahkamah diketuai oleh Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan.

Sekian, terima kasih.